

Fokus projek Sungai Muar, Segamat

TPM mahu Kementerian segerakan kerja pendalaman, pelurusan elak banjir buruk

Banjir

PAGOH: Tan Sri Muhyiddin Yassin mahu Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar memberi keutamaan kepada projek mendalam dan meluruskan sungai di Johor terutama sepanjang Sungai Muar dan Segamat dengan segera, bagi mengelak berlaku banjir yang buruk.

Timbalan Perdana Menteri berkata, projek dilaksanakan adalah langkah susulan kerajaan selepas Johor dilanda banjir pada akhir 2006 dan awal 2007, membabitkan kos keseluruhan lebih RM4 bilion.

"Saya sudah berbincang dengan Menteri, Datuk Seri Douglas Unggas dan (masalah) itu bukan saja di Muar tetapi sepanjang Sungai Muar dan Segamat yang sudah dikenal pasti dan ada pelan mengurangkan banjir."

"Beberapa tempat sekitar Segamat dan Pagoh dikenal pasti perlu diperdalam dan diluruskan," katanya kepada pemberita selepas meninjau keadaan banjir dan melawat pusat pemindahan mangsa banjir Parlimen Pagoh, di sini semalam.

Turut serta, isterinya, Puan Sri Norainee Abdul Rahman; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Serampang, Tahir Mohd Taat; ADUN Jorak, Datuk Dr Shaharuddin Mohd Salleh dan Pegawai Daerah Muar, Mislan Karmani.

Pada lawatan itu, Timbalan Presiden TSM Charity Golf, Datuk Mustapha Buang, menyampaikan sumbangan RM30,000 kepada Tabung Banjir Pagoh kepada Tahir bagi membantu mang-



MOHD SARIP Mohd Tahar, (kanan) dibantu anaknya, Mohd Farhan (kiri) dan Mohd Farid berusaha menyelamatkan lembunya daripada lemas ekoran banjir di Kampung Pogoh 2, Segamat, semalam.

sa banjir sekitar kawasan berkenaan. Ketika ini, seramai 6,422 orang daripada 1,563 keluarga sekitar Parlimen Pagoh ditempatkan ke 35 pusat pemindahan.

Muhyiddin berkata, projek itu dijalankan mengikut fasa dan beliau mahu kawasan Sungai Muar dan Sungai Segamat, diberi keutamaan dengan kos dijangka membabitkan lebih RM1 bilion.

"Saya sudah melihat pelan dan meminta Douglas memberi keutamaan untuk seluruh Johor kerana kesan banjir 2006 lalu menyebabkan kawasan Johor yang paling teruk dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sudah mengenal pasti beberapa kawasan termasuk di Batu Pahat, Kluang, Kota Tinggi dan Muar, yang perlu dijalankan projek memperdalam dan meluruskan sungai.

"Lebih RM4 bilion diperlukan tetapi kita mengambil kira mana yang boleh diutamakan di Sungai Muar, di sini," katanya.



MUHYIDDIN dan Norainee melawat Norhadiana Subandi, 21, (berkerusi roda) di pusat pemindahan mangsa banjir di Pagoh, semalam.

Selain itu, Muhyiddin mengarahkan semua agensi dan jabatan kerajaan memastikan bantuan kepada mangsa banjir disampaikan segera, sama ada menerusi bot atau

helikopter ke pedalaman yang terputus hubungan menerusi jalan darat.

Muhyiddin juga mahu kaum Cina yang terpaksa meraihan Tahun Baru Cina di

pusat pemindahan diberi perhatian dengan mengadakan program dan penyampaian hamper supaya mereka tidak kecewa berikutan tidak dapat menyambutnya di rumah.

Ribuan mangsa banjir terputus bekalan makanan

SEGAMAT: Ribuan penduduk terutama sekitar Pogoh, Gemas, Jementah dan Buluh Kasap, dekat sini terperangkap di rumah mereka dengan bekalan makanan terhad selepas jalan keluar masuk ke kawasan berkenaan ditenggelami banjir sehingga 2.5 meter sejak Ahad lalu.

Ia menyebabkan pasukan penyelamat menghadapi kesulitan menghantar bekalan dan terpaksa menggunakan

helikopter apabila sesetengah kawasan tidak boleh dimasuki sama ada menerusi bot atau lori tentera akibat arus yang terlalu deras.

Namun, bagi memastikan mereka mendapat bekalan, Jawatankuasa Bencana Daerah berusaha menghantar bekalan, walaupun berhadapan cabaran logistik.

Pengerusinya, Datuk Burhan Amin yang juga Pegawai Daerah Segamat, berkata walaupun air di bandar Segamat

surut sepenuhnya, banjir beralih dan semakin buruk di kawasan pinggir daerah itu seperti Pogoh, Gemas, Jementah dan Buluh Kasap kerana paras Sungai Muar terus merekodkan kenaikan.

"Ini membuatkan air banjir semakin dalam antara 1.2 hingga 2.4 meter. Rumah penduduk yang terperangkap tidak dinaiki banjir, sebaliknya jalan keluar masuk terputus hubungan, menyebabkan

mereka tidak dapat keluar membeli bekalan makanan serta keperluan lain.

"Bantuan lambat serta sukar disalurkan kerana jalan tidak boleh dilalui jentera berat, termasuk lori tentera dan bot kerana arus terlalu deras dan berbahaya, tetapi kita sudah mula mengagihkan bekalan makanan menggunakan helikopter bomba, terutama di Gemas Baru," katanya semalam.

Burhan juga berkata, hampir 100 petugas keselamatan daerah membabitkan polis, tentera dan bomba dikerah menghantar bekalan makanan dan keperluan ke kawasan berkenaan.

Setakat petang semalam, hanya Jalan Bandar Segamat-Labis satu-satunya laluan keluar masuk yang dibuka kepada semua jenis kenderaan, manakala laluan lain ditutup berikutan masih berbahaya untuk digunakan.

1,256 mangsa banjir masih di pusat pemindahan

SEREMBAN: Seramai 1,256 mangsa banjir membabitkan 308 keluarga masih berada di sembilan pusat pemindahan banjir di dua daerah di negeri ini setakat jam 3 petang semalam.

Jurucakap Bilik Gerakan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berkata, seramai 1,073 mangsa banjir membabitkan 270 keluarga ditempatkan di enam pusat pemindahan sementara di Tampin, manakala di Jempol, hanya 183 mangsa membabitkan 38 keluarga berada di tiga pusat pemindahan.

"Semakin ramai mangsa banjir pulang ke rumah masing-masing tetapi banjir belum surut di Pasir Besar dan Gemas berikutan limpahan air dari Sungai Muar di Johor.

"Kebanyakan kawasan lain air sudah mulai surut kerana cuaca panas," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, semua mangsa banjir dijangka boleh pulang ke rumah masing-masing dalam tempoh dua hingga tiga hari lagi.

Di **MELAKA**: Bilangan mangsa banjir yang ditempatkan di 11 pusat penempatan sementara di tiga daerah di negeri ini sehingga jam 4 petang semalam, kini tinggal seramai 1,134, mangsa berkurangan lebih tiga kali ganda berbanding kelmarin.

Jurucakap bilik gerakan banjir negeri di Ayer Keroh berkata, bilangan mangsa yang ditempatkan di daerah Melaka Tengah, kini berjumlah 540 mangsa, manakala di daerah Alor Gajah, seramai 145 mangsa dan 449 mangsa di daerah Jasin.

Katanya, pusat pemindahan sementara yang masih dibuka adalah di Sekolah Kebangsaan (SK) Krubong, Bilik Bacaan Bertam Malim, Balai Raya Kampung Tanah Merah Krubong dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Malim di daerah Melaka Tengah.

"Di daerah Alor Gajah pula di SK Belimbing, Surau Kampung Pulau, Japerun Durian Tunggal manakala di daerah Jasin, di SK Chohong, SK Tehel, SK Seri Mendapat dan Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Rambai," katanya.